

NOVEMBER '15

ISSN 2229-824X



JABATAN PENGAIERAN DAN SAURAU
MALAYSIA

JPS CARELINE 1 300 80 1010
www.water.gov.my

MENJADI ANTARA ORGANISASI SEKTOR AWAM YANG UNGGUL DI DUNIA



JPS Updates



PENCAPAIAN INOVASI JPS 2015



LAWATAN KE TAPAK PROJEK RTB LEMBAH BERTAM, CAMERON HIGHLAND OLEH YB MENTERI NRE



MAJLIS PERASMIAN ICWR OLEH YB MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR



SAMBUTAN HARI DEEPAVALI JPS 2015



PERTANDINGAN KOIR JPS 2015

m/s 02

m/s 03

m/s 05

m/s 07

Majlis

Oleh: Bahagian Korporat

PELANCARAN PROGRAM PERSIAPAN MENGHADAPI MUSIM TENGKUJUH

Majlis Pelancaran Program Persiapan Menghadapi Musim Tengkujuh anjuran Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di Pusat Kawalan SMART, Kampung Berembang, Jalan Ampang, Kuala Lumpur telah diadakan pada 3 November 2015. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dan turut hadir bersama YBhg. Dato' Sri Azizan bin Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Taklimat ringkas telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Sri Ir. Zainor Rahim bin Ibrahim, Ketua Pengarah, Jabatan Pengairan dan Saliran dan satu sidang media turut diadakan dengan tujuan memaklumkan kepada masyarakat tentang persediaan menghadapi musim tengkujuh pada masa akan datang oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia.



LAWATAN KE TAHAP PROJEK RTB LEMBAH BERTAM, CAMERON HIGHLAND OLEH YB MENTERI NRE

Oleh: Bahagian Korporat



Pada 21 November 2015, YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar telah menghadiri lawatan ke Projek RTB Lembah Bertam-Sg. Bertam dan Sg. Ringlet. Lawatan ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Azizan bin Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan YBhg. Dato' Sri Ir. Zainor Rahim bin Ibrahim, Ketua Pengarah, Jabatan Pengairan dan Saliran. Sesi taklimat telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ir. Shaharuddin bin Ibrahim, Pengarah JPS Pahang. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk mengadakan tinjauan dari udara ke kawasan Projek RTB Lembah Bertam sambil YB Menteri melihat sendiri penerokaan tanah di sekitar Cameron Highland.

LAWATAN KERJA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR KE PULAU LANGKAWI

Oleh: Bahagian Korporat

YBhg. Dato' Sri Azizan bin Ahmad, Ketua Setiausaha NRE telah menghadiri satu lawatan kerja ke Pulau Langkawi pada 23 November 2015. Lawatan ini juga turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Ir. Zainor Rahim bin Ibrahim, Ketua Pengarah, Jabatan Pengairan dan Saliran serta para pegawai dari Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia. Lawatan ini bertujuan bagi meninjau projek pembangunan di sekitar Pulau Langkawi.



MAJLIS PERASMIAN ICWR OLEH YB MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

Oleh: Bahagian Korporat

Majlis 3rd International Conference on Water Resources (ICWR 2015) telah diadakan di Langkawi pada 24 November 2015. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar.



Majlis ini dianjurkan oleh Universiti Teknologi Malaysia dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta anjuran bersama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia (NRE), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa - Hidrologi Antarabangsa Program (UNESCO-IHP), pelbagai agensi dan universiti di Malaysia.

LAWATAN KERJA OLEH PENGARAH KANAN

Oleh: Bahagian Audit Prestasi

Pada 9 November 2015 yang lalu, Ir. Hj. Ab. Qahar bin Osman, Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan) bersama-sama Pengarah Audit Prestasi, Ir. Norizan binti Abdul Aziz telah mengadakan lawatan kerja ke Rumah Pam Sg. Terus & Rumah Pam Sg. Mempelam dan Projek RTB Sungai Kedah / Anak Bukit (Pakej 2).

Lawatan ini telah diiringi oleh Timbalan Pengarah JPS Negeri Kedah, Tn. Hj. Zainalifkry bin Hj. Daud. Tujuan lawatan tersebut adalah untuk meninjau tindakan-tindakan susulan yang telah diambil oleh JPS Kedah ke atas penemuan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2014 Siri 2 yang telah disenaraikan di dalam Paparan Susulan Audit Ketua Audit Negara (AG's Dashboard).



MAJLIS PENYERAHAN PROJEK DI ZON KUARANTIN HARIMAU, SUNGAI, PERAK

Oleh: Bahagian Bangunan dan Infrastruktur

Bertempat di Zon Kuarantin Harimau, Pusat Kawalan dan Penyelamat Spesis Haiwan (PKPHL) Sungai, Perak telah berlangsungnya Majlis Penyerahan Projek Pejabat, Klinik dan Sistem Bekalan Air di Zon tersebut pada 12 November 2015. Majlis penyerahan ini telah disaksikan oleh YBhg. Dato' Sri Ir. Zainor Rahim bin Ibrahim, Ketua Pengarah, Jabatan Pengairan dan Saliran bersama YBhg. Dato' Abd. Rasid bin Samsudin, Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

Terima kasih kepada semua pegawai yang terlibat secara langsung atau tidak langsung bagi melaksanakan projek ini dan menyempurnakan majlis penyerahan ini dengan jayanya.



HARI INOVASI JPS 2015

Oleh: Bahagian Audit Prestasi

Majlis Hari Inovasi JPS 2015 telah berlangsung pada 4 November 2015 bertempat di Dewan The Grand, Lukut, Negeri Sembilan. Seramai 350 orang kakitangan JPS ibu Pejabat dan JPS Negeri hadir untuk memeriahkan majlis ini. Hari Inovasi ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Dato' Sr. Dr. Azimuddin bin Bahari, Timbalan Ketua Setiausaha II (Alam Sekitar), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Bersempena sambutan Hari Inovasi ini, sebanyak sebelas (11) anugerah telah dipertandingkan bagi memberi pengiktirafan kepada pelaksanaan dan pembudayaan inovasi dan kualiti di peringkat JPS Bahagian dan Negeri.



BIL	ANUGERAH / PERTANDINGAN	KEDUDUKAN	PEJABAT
1	Anugerah Peneraju Pembudayaan Inovasi 2014 (Kategori Bahagian)	-	Bahagian Rekabentuk dan Empangan
	Anugerah Peneraju Pembudayaan Inovasi 2014 (Kategori Negeri)	-	JPS Negeri Kedah
	Anugerah Peneraju Pembudayaan Inovasi 2015 (Kategori Bahagian)	-	Bahagian Pengurusan Maklumat
	Anugerah Peneraju Pembudayaan Inovasi 2015 (Kategori Negeri)	-	JPS Negeri Perlis
2	Anugerah Khas Inovasi	-	Puan Norliza Binti Harun
3	Amalan Persekutuan Berkualiti 6S (Kategori Negeri)	Johan	JPS Negeri Selangor
		Kedua	JPS Negeri Terengganu
		Ketiga	JPS Wilayah Persekutuan Labuan
4	Anugerah Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) (Kategori Bahagian)	Johan	Bahagian Pengurusan Maklumat
		Kedua	Bahagian Rekabentuk dan Empangan
		Ketiga	Bahagian Korporat
5	Cetusan Idea Inovatif (Kategori Bahagian)	Johan	Enik Sayed Yazid Bin Sayed Jamaliuddin Sadi Bahagian Ulur Bahan dan Pengurusan Kontrak
		Kedua	Enik Wahiddin Bin Mohd Amir Bahagian Selatan Mera Alam
		Ketiga	Nur Mumineati Binti Abdo Majid Bahagian Pengurusan Maklumat
		Johan	Zainah Binti Zainal JPS Wilayah Persekutuan KL
6	Cetusan Idea Inovatif (Kategori Negeri)	Kedua	Enik Rajasekham A/L Govindaraju JPS Negeri Selangor
		Ketiga	Enik Nik Mohd Faizal Bin Nik Zukiff JPS Negeri Kelantan
		Johan	Kumpulan Steering, JPS Kedah
7	Cebisan Inovasi	Kedua	Kumpulan The Innovator, HTC
		Ketiga	Kumpulan Jugra, JPS Selangor
		Johan	JPS Putau Pisang
8	Pengiktirafan Khas Laporan Pencapaian Outcome Projek Pembangunan 2015	Kedua	JPS Negeri Perak
		Ketiga	JPS WP Labuan
		Pertama	JPS Negeri Sembilan
9	Pengiktirafan Pembudayaan ICT 2015	Pertama	JPS Negeri Sembilan
		Kedua	JPS Sarawak
10	Pengiktirafan Khas GIS 2015	Pertama	JPS Melaka
		Kedua	Bahagian Khidmat Pengurusan
11	Ikon ICT 2015	-	Enik Thysalem A/L Sekaran

HARI INOVASI 1NRE 2015

Oleh: Bahagian Korporat

Pada Majlis Perhimpunan Bulanan NRE di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah berlangsungnya Majlis Penyampaian Hadiah Bagi Pertandingan Hari Inovasi 1NRE 2015. JPS telah memenangi 5 kategori iaitu:

- 1) Anugerah KIK Pengurusan (Pertama)
Kumpulan River ResQ dari JPS Kuantan
- 2) Anugerah KIK Teknikal (Kedua)
Kumpulan G2 dari JPS Kuala Kangsar
- 3) Pertandingan Inovasi 1NRE (Ketiga)
Kumpulan Gelombang Emas dari JPS Perlis
- 4) Pertandingan Filem Pendek 1NRE - (Ketiga)
Pertandingan Simfoni Seni 1NRE - (Kedua)

Semoga kemenangan tersebut akan menjadi inspirasi dan galakan kepada semua warga JPS untuk meneruskan kejayaan-kejayaan di masa yang akan datang.



SAMBUTAN HARI DEEPAVALI 2015

Oleh: Bahagian Korporat

Pada 19 November 2015 telah berlangsungnya Perhimpunan Pagi dan Sambutan Hari Deepavali peringkat JPS Ibu Pejabat 2015. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Ir. Zainor Rahim bin Ibrahim, Ketua Pengarah, Jabatan Pengairan dan Saliran. Turut hadir bersama pada majlis tersebut ialah YBhg. Dato' Ir. Hj. Mohd. Abdul Nassir bin Bidin, Timbalan Ketua Pengarah I (Sektor Bisnes), YBhg. Dato' Ir. Hj. Zulkefli bin Hassan, Timbalan Ketua Pengarah II (Sektor Pakar), dan Ir. Hj. Ab. Qahar bin Osman, Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan) dan Pengarah-Pengarah Bahagian serta pegawai JPS.

Jawatankuasa Sambutan dan Jamuan Hari Deepavali JPS Malaysia 2015 mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua warga JPS kerana sudi memeriahkan sambutan pada kali ini. Deepavali adalah satu perayaan utama yang disambut oleh masyarakat India dan ia dirayakan sebagai tanda kegembiraan dan kemenangan.

Dengan hiasan 'KOLAM' yang menghiasi ruang legar JPS dan makanan tradisional seperti puttu mayam, vadai, tosai, laddu, dan nasi beryani turut dihidangkan bagi menyemarakkan lagi sambutan Hari Deepavali.




INTERNATIONAL PEER REVIEWER TRAINING AND CERTIFICATION DI SOLO, INDONESIA

Oleh: Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai

International Peer Reviewer Training and Certification telah diadakan anjuran Center for River Basin Organizations and Management (CRBOM) bersama Network of Asian River Basin Organisations (NARBO) dan Asian Development Bank Institute (ADBI) pada 27 – 30 Oktober 2015. Kursus secara jemputan oleh penganjur ini telah dihadiri oleh Hj. Md Khairi bin Selamat. Semua kos perbelanjaan perjalanan dan penginapan menghadiri kursus ini dilanggung sepenuhnya oleh ADBI.

Antara objektif kursus ini adalah untuk memberikan kefahaman kepada peserta antaranya mengenai penandarasan prestasi organisasi pengurusan lembangan sungai (RBO), memahami proses penilaian sendirian (*self-assessment*), memahami proses peer review, kesedaran kepentingan penandarasan prestasi organisasi, fungsi dan faedah pemantauan dan penilaian penandarasan prestasi RBO, berupaya melaksanakan penandarasan prestasi dan proses peer reviewer.

Setiap peserta kursus dinilai melalui ujian awal dan selepas kursus termasuk penyediaan kertas kerja dan latihan amali tahap kompetensi setiap peserta untuk pentaualihan sebagai Peer Reviewer penandarasan prestasi RBO. Melalui kursus tersebut Hj. Md Khairi bin Selamat telah ditauliahkan sebagai International Peer Reviewer yang merupakan pegawai tunggal JPS mempunyai pentaualihan ini.



PERSADA INOVASI PERINGKAT KEBANGSAAN 2015

Oleh: Bahagian Korporat

Persada Inovasi Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 24-25 November 2015 bertempat di Pusat Konvensyen SAS Kuantan, Pahang. JPS yang mewakili NRE telah menghantar Kumpulan River Res-Q daripada JPS Pahang dan Kumpulan JPS Phoenix daripada JPS Perlis.



CERAMAH INTERGRITI 'IKUT RASA, BINASA' DI PERSIDANGAN PEGAWAI TEKNIKAL KUMPULAN SOKONGAN I JPS NEGERI PERAK KALI KE-5 TAHUN 2015

Oleh: Unit Integriti

Unit Integriti telah dijemput oleh JPS Negeri Perak untuk menyampaikan satu sesi ceramah integriti yang bertajuk 'Ikut Rasa, Binasa' di Persidangan Pegawai Teknikal Kumpulan Sokongan I JPS Negeri Perak pada 5 November 2015 bertempat di Felda Residence Trolak, Sungai, Perak. Sesi ceramah tersebut telah disampaikan oleh Ir. Norlida binti Mamat@Samad, Ketua Unit Integriti. Sesi ceramah tersebut telah dihadiri seramai 100 orang Pegawai Teknikal Kumpulan Sokongan I di JPS Negeri Perak.

Sesi ceramah beliau menyentuh kepada isu-isu yang berkaitan dengan integriti dalam perkhidmatan awam di mana ia lebih kepada memberi pendedahan dan kesedaran kepada pegawai-pegawai mengenai kepentingan integriti sebagai penjawat awam demi memastabatkan perkhidmatan awam melalui perkongsian kesalahan-kesalahan integriti di JPS Malaysia. Selain itu, diharap para peserta lebih memberi perhatian tentang kepentingan mematuhi segala peraturan, pekeliling dan garis panduan yang berkuat kuasa serta dapat mengubah segala amalan negatif yang boleh mewujudkan ruang dan peluang yang boleh membawa kepada terjebak dalam gejala kesalahan integriti sebagai penjawat awam.



LAWATAN AUDIT TEKNIKAL PENGURUSAN PROJEK

Oleh: Bahagian Projek Khas



Ir. Sabri bin Abd Mulok ,Timbalan Pengarah, Bahagian Projek Khas telah mengadakan Audit Teknikal bagi Projek Menaiktaraf Empangan Timah Tasoh (METT) Paket 3 & 4 bersama-sama Ir. Nizar bin Mohd Nasir, En. Md Razip bin Ishhak dan En. Mohd Eizam bin Yusuf. Turut hadir bersama pegawai dari Pejabat Projek METT iaitu Ir. Illias bin Mamat, Jurutera Projek. Tujuan lawatan ini adalah bagi melaksanakan pengauditan projek dan ini merupakan salah satu dari Petunjuk Prestasi (KPI) bahagian di bawah Pelan Strategik JPS bagi memastikan amalan terbaik pengurusan projek dipatuhi.

MESYUARAT PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK TEKNOLOGI MAKLUMAT (PSTM) 2016 - 2020 JPS MALAYSIA

Oleh: Bahagian Pengurusan Maklumat



Bertempat di Rumah Peranginan Persekutuan Eksekutif, Pulau Pinang telah berlangsungnya Mesyuarat Pembangunan Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) 2016 – 2020 JPS Malaysia pada 27 – 29 Oktober 2015. Ir. Hj. Ab Zahar bin Osman, Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan) telah mempengerusikan mesyuarat dan turut serta Puan Norizan binti Harun, Pengarah BPM dan pegawai JPS.

Tujuan mesyuarat diadakan adalah untuk membangunkan Pelan Strategik Teknologi Maklumat 2016-2020 JPS Malaysia dengan mengambil kira keperluan bahagian-bahagian di JPS bagi memastikan perancangan projek-projek ICT bahagian adalah selaras dengan kehendak Jabatan.

PERTANDINGAN KOIR JPS

Oleh: Bahagian Korporat

Pertandingan Koir MAKSAK JPS 2015 telah dianjurkan oleh MAKSAK JPS MALAYSIA dan dihoskan oleh JPS Negeri Melaka di Auditorium Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara, Ayer Keroh, Melaka pada 14 November 2015.

Pemenang Pertandingan Koir adalah seperti berikut:

- Johan : Kumpulan Warisan (JPS Negeri Sembilan)
- Naib Johan : Kumpulan Silver Voice (JPS Negeri Perak)
- Ketiga : Kumpulan Baldu Hijau (JPS Kelantan)
- Konduktor Terbaik : Kumpulan Warisan (JPS Negeri Sembilan)
- Persembahan dan pakalan terbaik : Kumpulan Harum Manis (JPS Perlis)

Majlis Penutup Dan Penyampaian Hadiah telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ir. Haji Mohd. Abdul Nassir bin Bidin ,Timbalan Ketua Pengarah I (Sektor Bisnes) dan turut hadir bersama pada majlis tersebut ialah YBhg. Dato' Ir. Haji Zulkelli bin Hassan, Timbalan Ketua Pengarah II (Sektor Pakar). Tahniah dan syabas kepada semua pemenang.



PELAN STRATEGIK JPS 2016-2020

Oleh: Bahagian Korporat

Mesyuarat Pemurnian Dokumen Pelan Strategik JPS 2016-2020 telah diadakan pada 17 dan 18 November 2015 bertempat di Pusat Kecemerlangan JPS Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. Mesyuarat dihadiri oleh semua ahli taskforce dan wakil dari bahagian yang terlibat. Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk memurnikan dokumen pelan strategik jabatan bagi setiap teras strategik yang merangkumi strategi, program, sasaran dan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI). Turut hadir pada hari kedua mesyuarat adalah YBhg. Dato' Ir. Haji Mohd. Abdul Nassir bin Bidin, Timbalan Ketua Pengarah I (Sektor Bisnes) dan YBhg. Dato' Zulkelli bin Hassan, Timbalan Ketua Pengarah II (Sektor Pakar), JPS Malaysia.



Jutaan terima kasih diucapkan kepada Pengarah JPS Negeri Pulau Pinang, Ir. Sabri bin Abdul Mulok dan Jurutera Daerah Seberang Perai Utara, En. Saiful Rizan bin Sanusi di atas layanan yang baik dan kerjasama yang diberikan sepanjang mesyuarat berlangsung. Tidak lupa juga kepada kesemua peserta yang telah memberikan komitmen dan kerjasama yang tidak terhingga demi mencapai objektif mesyuarat ini.

JUARA BARU KEJAPS II DARI JPS WPKL MEREBUT PIALA PUSINGAN YBHG. DATIN SRI HAJAH NORLIYATI BINTI HAJI SAID



Pada 17 November 2015, Pertandingan Bowling PUSPANITA JPS Malaysia 2015 telah berlangsung dengan jayanya di Ampang SuperBowl, Ampang Point Shopping Center.

Updates SIDANG REDAKSI '15

PENASIHAT

Ybhg. Dato' Ir. Zainor Rahim bin Ibrahim

PENYELARAS

Ir. Haji Ab. Qahar bin Osman

KETUA EDITOR

Ir. Haji Nishad Mohamed bin Haji Cj. Mohd. Shaffy

EDITOR

Yuslina binti Mohd Sani

PENOLONG EDITOR

Hayati binti Zainal
Norhayati binti Elias
Noraini binti Samudin
Shakirah binti Nazrinudin
Noor Asrihan binti Abd Wahab

SUMBANGAN BERITA OLEH

Bahagian Korporat
Bahagian Unit Integriti
Bahagian Khidmat Pengurusan
Bahagian Bangunan dan Infrastruktur
Bahagian Pengurusan Maklumat
Bahagian Audit Prestasi
Bahagian Protek Khas
Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai
Puspantia

DITERBITKAN OLEH

Bahagian Korporat
Jabatan Pengatian dan Siasatan Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50626 Kuala Lumpur

DIREKA GRAFIK DAN DICETAK OLEH

D WOOD GLOBAL PRINT

Sebarang naskah dan berita serta gambar-gambar untuk keluaran akan datang boleh dihantar kepada kami melalui:

Email : yat@puster.gov.my
No. Tel : 03-26151765

Email : nurhayati@puster.gov.my
No. Tel : 03-2616 1449

Email : noraini_ls@puster.gov.my
No. Tel : 03-2616 1461

Sebanyak belas pasukan mengambil bahagian bagi merebut Piala Pusingan YBhg. Datin Sri Hajah Norliyati binti Haji Said. Antara peserta VIP yang turut bersama bagi memeriahkan lagi program ini adalah Puan Bailah bt Yunos (isteri Pengarah Pembangunan Modal Insan - Ir. Hj. Wahid Anuar bin Ahmad) dan Puan Nor Azwa binti Ahmat Rosli (isteri Pengarah Pengurusan Banjir - En. Idris bin Yussof).

Pendaftaran peserta bermula dari 12.45 petang hingga 1.15 petang dan pertandingan bermula dengan *roll off* pertama oleh Puan Nor Azwa binti Ahmat Rosli pada 1.45 petang. Pertandingan tamat pada pukul 5.00 petang diikuti dengan penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang semua kategori yang dipertandingkan.

Pasukan KEJAPS II dari JPS WPKL berjaya merebut Piala Pusingan setelah berjaya menjadi JUARA keseluruhan. Berikut keputusan pertandingan yang lain:

- a) Acara Berpasukan Antara Bahagian – KEJAPS II (JPS Wilayah Persekutuan KL)
- b) Acara Individu Bahagian – Siti Zakirah Bt Baharom (Mak Cun Power/BPSAH)
- c) Hadiah Khas Antara Bahagian (Penyertaan Terbanyak) – BPMI

Syabas dan Tahniah kepada semua pemenang.

KEJOHANAN BOLA SEPAK 9 SEBELAH PIALA YBHG. DATO' SRI IR.ZAINOR RAHIM

Oleh: Bahagian Khidmat Pengurusan

Tahniah kepada pasukan bola sepak ibu Pejabat di atas kemenangan menujuari Piala Dato' Sri Ir. Zainor Rahim anjuran KESSO yang telah diadakan pada 21 November 2015 di Padang JPS, Ampang. Majlis ini telah dirasmikan oleh Dato' Ir. Zulkifli Bin Hassan, Timbalan Ketua Pengarah II dan majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Dr. Abu Hanipah bin Ramli, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Modal Insan.

Keputusan perlawanan adalah seperti berikut:

- Juara:** Zon A (IBU PEJABAT 1)
Naib Juara: Zon D (BSAH, BPMI, IPMI TENGAH)
Ketiga: Zon B (PANTAI, SUNGAI, BPK, BBI, BRE)

Syabas dan tahniah kepada pasukan yang telah menang.

